

20/02/1998

Bersedia akui ada masalah

Seri Intan Othman

KOTA KINABALU, Khamis - Rakyat termasuk pemimpin di negara ini perlu sedia mengakui wujudnya sesuatu masalah supaya ia dapat ditangani dengan cekap dan segera, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, hanya dengan cara itu, seseorang mula belajar mengenali masalah dan mencari jalan penyelesaian, bukannya menafikan kerana semua masalah atau cabaran adalah untuk diselesaikan.

"Sesetengah orang berkata kalau ada masalah biarkan saja, lambat-laun masalah itu hilang. Tetapi ini tidak benar kerana masalah tidak akan pergi, yang pergi kitalah.

"Kerajaan dan rakyat bukan sa ja perlu sedia mengakui sesuatu masalah tetapi harus menerima hakikat yang ada, bagi membolehkan masalah diselesaikan dengan betul," katanya ketika melancarkan Institut Kemajuan Ekonomi Anak Negeri (Indep) dan laman Internet institusi itu di sini hari ini.

Penubuhan Indep, yang diilhamkan oleh Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar Negeri, Tan Sri Bernard Dompok dan bekas Menteri Kehakiman Datuk Dr James Ongkili, antara lain bertujuan membantu memajukan ekonomi Bumiputera Sabah.

Turut hadir ialah Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee, Speakar Dewan Undangan Negeri Datuk Hassan Alban Sandukong, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Datuk Osu Sukam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Chong Kah Kiat dan anggota Kabinet negeri.

Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan dua hari ke Sabah juga meminta rakyat Bumiputera di negeri ini bekerja keras serta sanggup mengubah sikap, jika mereka ingin maju setaraf dengan kaum lain dalam bidang ekonomi.

Bumiputera mempunyai potensi untuk maju jika mereka sentiasa bersedia mencapai kemajuan sama seperti bukan Bumiputera yang sudah sekian lama berjaya dalam bidang itu.

"Bumiputera perlu terus menimba ilmu, rajin dan berdisiplin jika mahu melihat generasi mereka maju setanding dengan kaum lain atau setanding dengan Bumiputera yang sudah maju.

"Disiplin di sini bermakna melawan tabiat semula jadi kita, seperti melawan tabiat tidur. Bagaimana seseorang itu boleh menjadi kaya kalau asyik tidur. Jika seseorang itu sanggup melawan tabiat buruk semula jadinya, maka lebih besar kemungkinan dia akan berjaya.

"Saya harap akan ada orientasi pemikiran Bumiputera kerana mestilah ada sebab kenapa Bumiputera ketinggalan. Halangan tentu ada tetapi kita boleh berjaya," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mempunyai banyak rancangan, manakala Dasar Ekonomi Baru (DEB) dirancang khususnya bagi meningkatkan ekonomi Bumiputera supaya seimbang dengan bukan Bumiputera.

DEB membantu ekonomi Bumiputera lebih kukuh serta meletakkan negara aman damai tanpa kekacauan seperti di negara lain yang tidak mempunyai keseimbangan pencapaian ekonomi antara kaum.

Pada malam ini, Dr Mahathir menghadiri majlis sambutan Aidilfitri dan Tahun Baru Cina bersama pemimpin masyarakat tempatan, di sini.

Lebih 5,000 orang menghadiri majlis itu.

(END)